

PRU-13: Senarai calon BN muktamad

Utusan Online

16 APRIL 2013

PUTRAJAYA 16 April - Barisan Nasional (BN) tidak akan membuat sebarang pindaan terhadap senarai nama calon Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang telah diumumkan di setiap negeri hari ini.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, senarai calon tersebut adalah muktamad dan telah ditapis dengan teliti sebelum diumumkan.

"Ini adalah calon muktamad setelah Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak membuat proses saringan dan rundingan yang teliti dengan semua presiden parti komponen dan ketua perhubungan negeri.

"Calon-calon yang diketengahkan adalah yang terbaik dan sudah pasti pembangkang akan buat macam-macam cerita negatif terhadap calon ini," katanya kepada pemberita selepas majlis solat hajat dan doa selamat di kediamannya di sini malam ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_118/PRU-13-Senarai-calon-BN-muktamad#ixzz2Zz92obgE

© Utusan Melayu (M) Bhd